



**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

MIDF SERAH ZAKAT PERNIAGAAN 1 JUTA BAGI DI KEDAH

Alor Setar, Kedah, 17 April 2018 – Wawasan dan misi Kumpulan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dalam memperkasakan prinsip tanggungjawab korporat diteruskan dengan penyerahan zakat perniagaan berjumlah RM1,000,000 sempena Majlis Penyerahan dan Agihan Zakat serta Pentauliahahan Amil. DYMM Sultan Kedah, Tunku Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah telah berkenan menerima cek pembayaran zakat tersebut daripada Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Mohd. Najib Hj. Abdullah yang berlangsung di TH Hotel & Convention Center Alor Setar, Kedah pada hari ini. DYMM Raja Muda Kedah dan YB Menteri Besar Kedah turut hadir bagi menyerikan lagi majlis tersebut.

Untuk makluman, MIDF telah bekerjasama dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) sejak tahun 2011 dalam pelaksanaan beberapa program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Sebahagian daripada jumlah zakat **perniagaan** yang diserahkan pada hari ini akan disalurkan untuk pembinaan sebuah Pusat Dialisis yang akan dibina di Mergong. Pembinaan Pusat Dialisis ini merupakan fasiliti kedua selepas Pusat Dialisis yang kini beroperasi di Menara Zakat Jalan Telok Wan Jah. Dengan terbinanya Pusat Dialisis baharu ini, dapat menampung operasi harian dan permintaan yang semakin tinggi dari pesakit di pusat tersebut yang makin sibuk dari hari ke hari.

“MIDF tidak pernah alpa untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap golongan yang memerlukan dan kami sentiasa memastikan MIDF membayar zakat perniagaannya sebagai menunaikan tuntutan agama untuk tujuan tersebut,” jelas Datuk Mohd. Najib.

MIDF telah banyak bekerjasama dengan Majlis Agama Islam, Baitulmal, pusat zakat dan **pejabat daerah** di beberapa **buah negeri** di Malaysia untuk menyalurkan dana tersebut bagi pelaksanaan Program Rumah Murni MIDF (PRMM). PRMM ialah sebuah program

membantu rakyat dari golongan fakir miskin memiliki kediaman yang lebih sempurna menggantikan rumah sedia ada yang telah terlalu usang dan tidak selamat untuk didiami atau rumah yang musnah akibat bencana alam, tambah beliau lagi.

MIDF juga banyak melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat yang berdasarkan pendidikan dan tujuan MIDF membina rumah untuk golongan miskin ini adalah untuk tujuan menyediakan suasana yang lebih selesa dan kondusif supaya anak-anak penerima dapat belajar dan mengulangkaji pelajaran dalam keadaan yang lebih sempurna. Harapan MIDF agar ini dapat menyuntik semangat dalam memperbaiki pelajaran mereka selain daripada memberi mereka peluang untuk meneruskan kehidupan dalam persekitaran yang lebih selamat.

Selain daripada melaksanakan Rukun Islam yang ketiga iaitu membayar zakat, MIDF juga ingin memastikan supaya golongan fakir miskin tidak terasa dipinggir sementara masyarakat berada dalam keadaan selesa menikmati kemajuan negara. PRMM juga merupakan titik permulaan untuk mereka memulakan kehidupan yang baru.

###

Mengenai MIDF

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) merupakan sebuah kumpulan syarikat kewangan bersepadu yang terdiri daripada Jabatan Kewangan Pembangunan yang berhubungan terus dengan MITI, MIDF Amanah Investment Bank Berhad dan MIDF Amanah Asset Management Berhad. MIDF yang dimiliki penuh oleh Permodalan Nasional Berhad, menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan kompetitif dan dinamik dari aspek skim bantuan SME, pelaburan amanah saham korporat dan perbankan pelaburan korporat. Berikutan penggabungan MIDF dengan Amanah Capital Partners Berhad pada tahun 2003, pembelian Utama Merchant Bank Berhad (UMBB) pada 2004 dan pembentukan MIDF Amanah Investment Bank Berhad, Kumpulan MIDF kini muncul sebagai sebuah syarikat yang lebih teguh dan kukuh.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Kumpulan Komunikai Korporat MIDF:

Irma Mahamat Tahir

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 492 3707

Emel: irmawati@midf.com.my

Mastura Md Mukhlas

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 1832

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 2000 381

Emel: masturam@midf.com.my

Saufi Hj. Husain

Pen. Pengurus Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 1831

Faks: (03) 2173 8499

HP: (019) 361 9714

Emel: saufi@midf.com.my